

Pelajar Samseng, Isu Lama Yang Diputar Ulang

Tanggungjawab menyampaikan nilai-nilai baik dan positif itu bukan saja terpikul di bahu guru agama, guru disiplin yang biasanya terdiri daripada guru lelaki tetapi semua guru

MASALAH pelajar samseng yang heboh diperkatakan sekarang bukannya satu isu baru tetapi isu lama yang terus diputar ulang menjadi bahan perbincangan pihak berkuasa dan masyarakat setiap kali ada kejadian terbaru membabitkan para pelajar samseng.

Jika tinjauan pendapat dilakukan ke atas lelaki dewasa yang pernah menjadi budak sekolah pada tahun 1970-an dan 1980-an, ramai di antara mereka yang pernah menjadi samseng di sekolah atau menjadi mangsa kepada pelajar-pelajar samseng.

Pada tahun 1970-an, hukuman bagi pelajar yang melakukan kesalahan besar termasuk pergaduhan adalah dirotan dan biasanya hukuman itu dilakukan di hadapan guru-guru dan para pelajar lain di perhimpunan mingguan sekolah manakala bagi kesalahan lebih kecil, sebatan biasanya dilakukan di bilik guru besar.

Hukuman rotan di perhimpunan sekolah itu walaupun boleh memalukan pelajar terbabit tetapi ia merupakan cara berkesan dalam memperingatkan semua pelajar mengenai seriusnya perbuatan mereka melanggar disiplin.

Bagaimanapun, hukuman rotan atau hukuman lain membabitkan fizikal semata-mata tidak cukup efektif untuk menangani masalah pelajar samseng tanpa ada program pembentukan nilai-nilai positif pada diri para pelajar.

Ini kerana pada ketika hukuman sebat begitu digemari oleh guru-guru besar untuk menghukum para pelajar mereka pada tahun 1970-an dulu, ramai pelajar masih melakukan aksi samseng mereka di luar kawasan sekolah.

Maknanya, hukuman rotan atau sebatan hanya memberi kesan untuk jangka pendek tetapi tidak begitu berkesan membentuk nilai-nilai positif dalam keperibadian seseorang pelajar terutama yang tinggi naluri jahat dalam diri mereka ketika berada di luar sekolah.

Bagi penulis, selain hukuman dalam bentuk fizikal, pihak sekolah perlu lebih kerap menjemput pegawai-pegawai polis, tentera dan tokoh masyarakat bagi memberi syarahan dalam perhimpunan mingguan sekolah atau ceramah bulanan seperti yang pernah dipraktikkan dulu.

Bagi sekolah yang menghadapi masalah pelajar samseng, pihak pengurusannya melalui guru-guru dan pengawas-pengawas sudah tentu dapat mengenali pelajar yang dikate-

gorikan samseng atau selalu terbabit dalam pelanggaran disiplin.

Kumpulan pelajar bermasalah itu perlu diberi pengawasan dan kaunseling. Pihak sekolah boleh meminta bantuan polis atau tentera untuk menjadikan pelajar-pelajar itu sebagai 'anak angkat' pasukan keselamatan tersebut.

Seperkara lagi yang perlu diberi perhatian serius oleh Kementerian Pendidikan adalah kajian harus dilakukan segera bagi mengenal pasti sama ada cara penyampaian dan perkara-perkara yang diajar dalam subjek Agama Islam atau Moral oleh guru-guru meninggalkan kesan pada diri pelajar.

Penulis bukan mahu mempertikaikan kewibawaan guru-guru agama dalam melaksanakan tugas mereka tetapi ada pihak menganggap sesetengah guru agama terlalu menumpukan pada isi kandungan yang ada dalam buku teks sekolah sehingga pengajaran subjek agama, kadang-kadang membosankan pelajar.

Seseorang guru agama yang baik adalah mereka yang dapat menjadikan subjek agama itu sesuatu yang menarik dan ditunggu-tunggu oleh setiap pelajar. Untuk menjadikan subjek Agama Islam menarik, guru-guru perlu bijak mengaitkan perkara, makna dalam ayat al-Quran atau hadis dan peristiwa yang terkandung dalam buku teks, dengan perkara atau kejadian yang berlaku dalam kehidupan sekarang.

Jika ibu bapa dan guru-guru agama boleh menyemai perasaan jijik terhadap babi dan anjing kepada pelajar sehingga ke alam kedewasaan, mereka boleh menanam perasaan jijik yang sama terhadap perbuatan lain seperti bertindak samseng, berzina, minum arak, membuli sesama manusia, rogol dan sebagainya.

Tanggungjawab menyampaikan nilai-nilai baik dan positif itu bukan saja terpikul di bahu guru agama, guru disiplin yang biasanya terdiri daripada guru lelaki tetapi semua guru.

Guru-guru wanita di negara ini harus membuktikan bahawa mereka mampu menggantikan tempat guru-guru lelaki, yang jumlahnya tidak ramai lagi di sekolah – dalam membentuk disiplin yang baik kepada para pelajar mereka.

Ini boleh dilakukan jika semua pihak termasuk ibu bapa sama-sama memainkan peranan secara lebih serius bagi memastikan sekolah-sekolah di negara ini bebas daripada masalah pelajar samseng. □

ISU-ISU RAKYAT

bersama
MARZUKI YUSOFF



Norsaadah Ismail sedang mengurut Mohd. Hafzi sambil menceritakan sesuatu kepada sanak saudara yang melawat anaknya di Hospital Batu Pahat, Johor.